

D422

B B514 AAB  
LEAD UMNO - MT RRRR (MENGANTIKAN SIRI TERDAHULU)

KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO HARI INI MELANTIK KESEMUA SEMBILAN MENTERI BESAR DAN SEORANG KETUA MENTERI SERTA SEORANG MENTERI SEBAGAI KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI -- ENAM DILANTIK SEMULA DAN LIMA LAGI PERLANTIKAN BARU.

MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM YANG JUGA NAIB PRESIDEN PARTI DILANTIK SEBAGAI KETUA PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG, MENGGANTIKAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI. HANYA UMNO NEGERI PULAU PINANG KETUA PERHUBUNGANNYA BUKAN KETUA EKSEKUTIF NEGERI.

MT MELANTIK SEMULA DATUK SERI SANUSI JUNID SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG, ENCIK DAIM ZAINUDDIN BENDAHARI AGUNG DAN SENATOR HAJI HUSSEIN AHMAD KETUA PENERANGAN.

PERLANTIKAN ITU SERTA PERLANTIKAN TUJUH ORANG ANGGOTA DILANTIK MT DIUMUMKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU PRESIDEN UMNO KEPADA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT PERTAMA MT SEJAK PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS. MESYUARAT HARI INI BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA SEJAM DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI.

SELAIN DARIPADA ENCIK ANWAR, KETUA-KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG BARU IALAH DATUK HAJI MUHAMMAD BIN MOHAMAD TAIB (SELANGOR), HAJI MUHYIDDIN YASSIN (JOHOR), DATUK KHALIL YAAKOB (PAHANG) DAN DR HAMID PAWANTEH (PERLIS).

MEREKA MENGGANTIKAN DATUK HAJI AHMAD RAZALI MOHAMED ALI (SELANGOR), DATUK ABDUL AJIB AHMAD (JOHOR), DATUK SERI MOHAMAD NAJIB TUN ABDUL RAZAK (PAHANG) DAN DATUK HAJI ALI AHMAD (PERLIS). -- LAGI 1550MST 17 07 87

D423

B B516 AAB  
LEAD UMNO - MT 2 KUALA LUMPUR

KETUA-KETUA PERHUBUNGAN YANG DILANTIK SEMULA IALAH DATUK SERI OSMAN AROFF (KEDAH), DATUK MOHAMAD YAACOB (KELANTAN), DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB (PERAK), DATUK SERI WAN MOKHTAR AHMAD (TERENGGANU), DATUK MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD (NEGERI SEMBILAN) DAN DATUK SERI ABDUL RAHIM THAMBY CHIK (MELAKA).

UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN TERUS DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG MENJADI KEBIASAAN BAGI PARTI ITU MELANTIK MENTERI-MENTERI BESAR SEBAGAI KETUA PERHUBUNGAN TETAPI AMALAN ITU BUKAN MENJADI PERATURAN DAN DALAM KEADAAN TERTENTU, ORANG LAIN JUGA DILANTIK.

TUJUH ORANG ANGGOTA DILANTIK MT IALAH PUAN NAPSIAH OMAR (NEGERI SEMBILAN), DATUK MOHAMAD RAHMAT (JOHOR), DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB (PERAK), ENCIK SHAHBUDDIN MOHD NOOR (KELANTAN), DATUK SHAMSURI SALLEH (PULAU PINANG), DATUK HAJI KHALID ABDULLAH (KEDAH) DAN ENCIK MOHAMAD NOR MOHAMED DOM (JOHOR).

LAPAN ORANG TIMBALAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI BARU JUGA DILANTIK IAITU DATUK SHAARI JUSOH (PERLIS), DATUK DR YUSOF NOOR (TERENGGANU), DATUK SABBARUDDIN CHIK (PAHANG), HAJI ABDUL RAZAK SAMAH (WILAYAH PERSEKUTUAN), HAJI KHALID YUNUS (NEGERI SEMBILAN), DATUK NASIR MANAP (MELAKA), DATUK MOHAMAD RAHMAT (JOHOR) DAN DATUK MOHAMAD ARSHAD ABDULLAH (PERAK). -- LAGI 1552MST 17 07 87

D424

B B517 AAB  
LEAD UMNO - MT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA MT MELULUSKAN PENUBUHAN SEBUAH BIRO PERPADUAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PUAN NAPSIAH.

KATANYA BIRO BARU ITU DIWUJUDKAN KERANA UMNO MERASAKAN BAHAWA MASANYA SUDAH TIBA PARTI-PARTI POLITIK MEMAINKAN PERANAN LEBIH AKTIF MENJALINKAN PERPADUAN DALAM NEGARA INI YANG SETAKAT INI HANYA DIMAINKAN OLEH KERAJAAN.

SEMENTARA ITU DATUK SERI DR MAHATHIR TERUS MEMEGANG JAWATAN Pengerusi Biro Politik manakala Encik Ghafar dilantik semula sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perlembagaan dan Jawatankuasa Disiplin.

LAIN-LAIN Pengerusi Biro dan Jawatankuasa ialah Datuk Mohamad Rahmat (Penerangan), Datuk Abu Hassan Omar (Antarabangsa), Encik Daim (Kewangan dan Bangunan), Datuk Sabbarudin Chik (Kebudayaan), Datin Paduka Rafidah Aziz (Ekonomi), Encik Anwar (Pendidikan), Datuk Seri Najib (Buruh dan Belia), Datuk Wan Mokhtar (Agama) dan Datuk Seri Sanusi (Pertanian dan Luar Bandar).

Anggota-anggota MT mengangkat sumpah taat setia dan menyimpan rahsia seorang demi seorang dalam mesyuarat itu, berbeza dengan sebelum ini di mana ia dilakukan beramai-ramai, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata mesyuarat itu tidak membincangkan perkara-perkara lain termasuk tindakan 12 orang anggota parti itu mengemukakan saman meminta mahkamah mengisytiharkan pemilihan parti April lalu tidak sah serta mengenai kemasukan UMNO ke Sabah. -- BERNAMA  
1555MST 17 07 87